

11/05/2004

1,000 pekerja Sunrise hargai jasa Dr Mahathir

KUALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad terus mendapat penghargaan daripada rakyat Malaysia di atas perkhidmatan cemerlangnya sebagai Perdana Menteri dan membawa negara menuju pembangunan dan kemakmuran.

Kali ini, penghargaan itu disampaikan oleh Sunrise Berhad (Sunrise) menerusi 22 skrol penghargaan kepada Dr Mahathir yang mengandungi lebih 1,000 tanda tangan kakitangannya, penduduk kondominium Mont Kiara serta orang ramai yang menyertai program anjuran syarikat berkenaan.

Skrol penghargaan itu disampaikan oleh Ketua Eksekutif Sunrise, Datuk Michael Yam, kepada Dr Mahathir pada satu majlis yang diadakan di Plaza Mont Kiara, di sini, kelmarin.

Pada majlis itu juga Sunrise turut memberi penghargaan kepada Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali untuk memotong kek sempena sambutan Hari Ibu.

Ketika berucap pada majlis itu, Yam berkata, 22 skrol berkenaan adalah simbolik kepada 22 perkhidmatan Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri.

Katanya, kejayaan yang dinikmati Malaysia hari ini adalah hasil wawasan Dr Mahathir serta keistimewaan kepemimpinannya.

"Keistimewaan itu ialah strategi untuk negara, memahami masa dan suasana, komitmen kepada tugas, sayang kepada rakyat, bersemangat di barisan depan, berkhidmat kepada rakyat dan mempunyai kuasa," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir ketika ditemui pemberita berkata, beliau terharu dengan usaha Sunrise serta ucapan yang ditulis orang ramai dalam skrol berkenaan.

Katanya, kejayaan yang dicapai negara ini sebenarnya adalah hasil usaha rakyat Malaysia sendiri, bukan kerana dirinya.

"Kita boleh mempunyai pemimpin, tetapi jika seorang pun tidak mahu mengikutnya, kita tidak boleh buat apa-apa.

"Tetapi rakyat Malaysia sangat bertolak ansur dan sanggup berkongsi kuasa daripada bergaduh antara satu sama lain. Jika rakyat majoriti menekan golongan minoriti, sudah tentu kita tiada Mont Kiara ini," katanya.

(END)